

# AGAMA ISLAM DALAM MEMBENTUK RIWAYATNYA

## Kedatangan Islam ke Gugusan Pulau-pulau Melayu

### (2)

Pada bulan yang lalu, sebagai pendahuluan, telah diterangkan secara ringkas tentang perkembangan Islam di Tanah Arab, di India dan di Negeri China. Kemudian di dalam bahagian yang pertama diterangkan pula perkembangan Islam di Sumatera – pulau yang mula-mula sekali didatangi Islam di Kepulauan Melayu. Di bawah ini ialah bahagian penutup.

(oleh: Miyares – Kolej Islam Malaya)

#### Islam Sampai di Melaka:

Menurut keterangan yang tercatat di dalam buku Sejarah Melayu mengatakan bahawa Islam datang ke Tanah Melayu menerusi negeri Melaka, iaitu pada masa negeri ini di dalam kebesaran dan kemakmurannya. Islam telah dibawa ke Melaka oleh Sayyidī ‘Abd al-‘Azīz seorang pengembang agama Islam yang telah sampai ke negeri ini dengan sebuah kapal pada suatu petang waktu Asar lalu mengislamkan Sultan Melaka yang pertama iaitu Parameswara dan dinamakan dia Sultan Muhammad Syah. Kejadian ini berlaku pada tahun Masihi 1384.

Ada pula ahli tarikh yang mengatakan Sultan Melaka memeluk Islam ialah dengan jalan beristerikan puteri Pasai yang telah beragama Islam. Itu pun dapat diterima oleh akal kerana memang tersebut di dalam buku *tawārīkh* tentang Sultan Melaka berkahwin dengan puteri Pasai, dan takkanlah ayahanda puteri itu sanggup melepaskan puteri kesayangannya yang beragama Islam ke tangan seorang yang bukan

Islam atau sekurang-kurangnya mestilah baginda mensyaratkan hendaklah Raja Melaka itu masuk Islam dahulu sebelum berkahwin dengan puterinya.

Menurut apa yang tercatat di dalam buku “*Sejarah Perkembangan Islam di Tenggara Asia*” bahawa kira-kira pada tahun 1276 Masihi, Sultan Muhammad Syah yang pada masa itu masih bernama Parameswara memerintah negeri Melaka, datanglah sebuah kapal dangangan Arab. Diketahui oleh oleh Sayyid ‘Abd al-‘Azīz ke Melaka serta dengan orang-orang besar dan rakyatnya sekali.

Ahli tarikh Portugis pula mengatakan Islam ke Melaka pada tahun masihi 1334 dibawa oleh seorang kadi dari Tanah Arab. Mungkin juga yang dikatakan oleh tarikh Portugis itu ialah Sayyid ‘Abd al-‘Azīz. Semua pendapat yang telah lalu bersamaan pada segi orang yang membawa Islam atau pengembangnya dan orang yang menerimanya tetapi berlainan pada tarikhnya sahaja.

Dua orang utusan China bernama Jeneral Cheng Ho dan seorang lagi bernama Ma Huan setiausaha kepada Jeneral Cheng ho beragama Islam, datang ke Melaka pada tahun Masihi 1403 didapatinya Raja Melaka beragama Islam juga.


Kebanyakan ahli tarikh nampaknya lebih cenderung kepada pendapat-pendapat yang mengatakan Islam mula berkembang di Melaka pada tahun 1384 masihi itu. Yang pastinya Islam telah kembang pada tahun 1403 masihi, sebagaimana yang dikatakan oleh utusan China itu dan tidak dapat disangkal oleh sesiapa pun. Hanya yang menimbulkan pertelingkahan di kalangan ahli-ahli tarikh sekarang ialah tentang bilakah Islam datang ke Melaka itu kerana mereka juga masih bertelingkah tentang tarikh Melaka dibuka. Untuk mengetahui tarikhnya yang sebenarnya perlulah disusur kembali sejarah Singapura dan sejarah pembukaan Melaka.

#### **Islam ke Kedah Dahulu:**

Ada pula ahli tarikh yang mengatakan Islam datang ke Tanah Melayu ini dengan melalui negeri Kedah sebagaimana tersebut dalam buku "*Sejarah Perkembangan Islam di Tenggara Asia*" katanya seorang penyeru Islam bernama Shaykh 'Abd Allāh datang ke Kedah pada tahun 1474 mengislamkan Raja Kedah yang bernama Marong Maha Wangsa<sup>1</sup> lalu digelarkan Sultan Mudzafar Shah dan dengan perintahnya pula semua orang besar-orang besarnya serta rakyat Kedah memeluk agama Islam.

Pendapat ini nampaknya menafikan sama sekali pendapat lain yang mengatakan Islam terlebih dahulu sampai di tempat-tempat lain daripada Kedah. Dengan memandang hampirnya negeri Kedah

dengan Pasai itu munasabah juga jika dikatakan Kedah dahulu dari tempat-tempat lain menerima Islam, tetapi para pembaca tidak harus melupakan Melaka dengan Sultan Muhammad Syahnya. Bolehlah kita mengambil kesimpulan bahawa pada tahun 1474 Masihi itu Kedah mula menerima kedatangan Islam dan bukanlah negeri Kedah yang mula-mula sekali menerima kedatangan Islam di semenanjung Tanah Melayu ini. Namun begitu saya serahkan perkara ini kepada para pembaca terutama ahli tarikhnya untuk



*Masjid al-Imām al-Shāfi'ī di Mesir. Kubah yang besar ini terletak di atas makam al-Imām Abī 'Abd Allāh Muḥammad ibn Idris al-Shāfi'ī, raḍiya Allāhu 'anhu. (wafat 204H - 819 M), di sebelahnya terletak masjid yang terkenal dengan namanya. Makam dan masjid ini didirikan oleh al-Sulṭān al-Kāmil al-Ayyūbī, iaitu setua-tua bekas peninggalan raja-raja keturunan Salāḥ al-Dīn al-Ayyūbī di Mesir.*

*Didirikan pada tahun 608 Hijriyyah (1211 M).*

<sup>1</sup> Merong Mahawangsa

menyelidiki lebih dalam lagi dalam perkara semacam ini.

#### **Islam ke Terengganu:**

Menurut penyelidikan yang akhir pula mengatakan Islam terlebih dahulu datang ke Terengganu, masanya di antara tahun Masihi 1326 –1386 iaitu dengan berpandukan sebuah batu bersurat yang didapati di Kuala Berang sebagai keterangan. Batu ini telah diukir dengan huruf Arab tarikhnya pun tarikh Arab juga, padanya ada dituliskan hukum-hukum Islam seperti hukum zina dan lain-lain lagi.

Adalah dijangkakan seorang pengembang agama Islam dari Indochina telah datang ke Terengganu menyebarkan agama Islam di sana dan mengukirkan hukum-hukum Islam itu pada batu bersurat.

Tuan Hamka dan Prof. Abdul Kahar Muzakar dua orang ulama yang terkenal di Indonesia dan di Tanah Melayu ini kuat mengatakan agama Islam lebih dahulu sampai ke Terengganu dari lain-lain negeri di Tanah Melayu ini sehingga pernah mereka mengatakan atau menggelarkan negeri Terengganu itu “Serambi Makkah”.

Saya rasa para pembaca juga harus cenderung dan lebih kuat mengatakan Islam sampai ke Terengganu dahulu kerana dalil-dalilnya sangat terang, ada Batu Bersurat dijumpai orang di Kuala Berang dan kita pun dapat melihatnya dengan mata kepala kita sendiri, munasabah juga rasanya kalau pengembang agama Islam ke Terengganu itu datangnya dari Indochina atau sekurang-kurangnya dari daerah yang berhampiran dengannya kerana sebagaimana kita ketahui agama Islam telah pun berkembang di negeri China pada masa Khalifah Sayyidinā ‘Umar al-Khattāb memerintah Tanah Arab dan ahli-ahli pelayaran Arab telah sedia ada perhubungannya

dengan Tanah Besar China dan di antara ahli pelayaran Arab itu ada yang bergerak sebagai pengembang agama. Mereka telah berjaya mengislamkan sebahagian dari orang-orang Cina sambil mereka menjalankan perniagaan.

Pengembang-pengembang agama – yang berbangsa Arab atau pun Cina dipercayai merekalah yang mengambangkan agama Islam di negeri Terengganu kerana mereka datang berniaga di Tanah Semenanjung ini.

Setelah mengikuti beberapa pendapat ahli-ahli tarikh yang telah dituliskan tadi dapatlah kita mengambil kesimpulan bahawa agama Islam dengan rasminya mula berkembang di Semenanjung Tanah Melayu ini pada kurun masihi yang keempat belas dan Terengganu bolehlah dikatakan negeri yang mula-mula sekali menerima kedatangan Islam di Semenanjung Tanah Melayu ini.

#### **Islam ke Tanah Jawa:**

Menurut beberapa pendapat ahli tarikh dan apa yang telah dicatat oleh para bijak pandai sejarah dalam menerangkan hasil penyelidikan mereka nyatalah bahawa agama Islam mula berkembang di Tanah Jawa dalam kurun masihi yang ke lima belas. Mālik Ibrāhīm seorang penyair Islam telah datang ke Tanah Jawa pada tahun 1416 Masihi, lalu mengembangkan Islam kepada penduduk di Tanah Jawa iaitu di Gresik. Beliau dikatakan orang yang mula-mula menyebarkan agama Islam ke sana dan telah meninggal dunia pada tahun 1419 Masihi. Lalu dikuburkan di Gresik, ada kuburnya sehingga sekarang ini di tempat itu. Hanya empat tahun sahaja dapat beliau berusaha mengembangkan Islam di sana. Walaupun begitu tak sedikit usahanya yang telah dilakukannya dalam masa yang singkat itu.

Selepas itu perjuangannya disambung pula oleh Wali Songo atau Wali Sembilan dengan mendirikan

pesantren atau sekolah agama cara lama dan sesudah Wali Songo, perjuangan itu diteruskan pula oleh mereka yang dididik oleh Wali Songo tadi hingga membawa ke hari ini, juga oleh pejuang agama yang lain-lain lagi.

Tetapi ada pula ahli tarikh yang berpendapat bahawa agama Islam terlebih dahulu kembang di Jawa Barat iaitu di Pajajaran. Haji Purba kekanda kepada Raja Pajajaran, sebuah kerajaan di Jawa Barat, telah memeluk agama Islam pada tahun 1190 Masihi, dan orang yang mengislamkannya ialah saudagar Arab yang datang berniaga ke sana. Setelah Islam Haji Purba pun berangkat ke Tanah Suci Makkah kerana menunaikan fardu haji bersama-sama dengan saudagar Arab itu di samping mempelajari ilmu agama. Bila mereka kembali ke Tanah Jawa semula, mereka pun mula mengembangkan agama Islam. Ramai juga di antara rakyat jelata yang telah menuntut agama Islam dan ajarannya secara bersembunyi. Oleh kerana telah menjadi kehendak Tuhan, hendak menunjukkan kesucian Islam, maka setelah ramai orang memeluk Islam, Haji Purba serta rakan-rakannya pun mulai memujuk saudaranya – Raja Pajajaran – untuk menganut agama Islam tetapi seruan itu mendapat tentangan yang hebat dari pihak Raja dan pembesar-pembesar negara itu hingga pihak Raja mengugut hendak membunuh Haji Purba dan rakannya saudagar Arab itu. Oleh itu Haji Purba dan rakannya itu pun melarikan dirinya masuk ke dalam hutan lalu hilang tidak diketahui beritanya lagi. Tinggal mereka yang telah beragama Islam di sana dalam kebimbangan, tidak berani berterang-terang, takut kalau kedudukan mereka pula akan terancam.

Walau pun usaha Haji Purba ini tidak membuahkan kejayaan dalam menyebarkan agama Tuhan namun

jasa mereka tidaklah seyogianya dilupakan begitu sahaja, kerana kalau betul lah pendapat ini tentulah mereka pejuang utama yang telah berusaha mengembangkan agama Islam di Tanah Jawa dan nama mereka patutlah dicatit dengan tinta emas.

#### **Bugis Menerima Islam:**

Agama Islam mula berkembang di Tanah Bugis pada tahun 1603 Masihi. Raja Bugis yang mula-mula sekali memeluk agama Islam ialah Lamadusilah iaitu moyangda kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor yang memerintah negeri Selangor sekarang ini. Menurut kata ahli tarikh pada masa Lamadusilah memerintah Luwu sebuah kerajaan di Tanah Bugis datang seorang Islam namanya Khatib Tunggal atau Abu Makmur, digelar: Dato' Rahi Bandang oleh orang-orang bugis. Beliau berasal dari Minangkabau lalu mengislamkan Raja Luwu – Lamadusilah. Setelah itu dengan perintah Raja Bugis itu, rakyat pun memeluk agama Islam.

#### **Maluku Kedatangan Islam:**

Maluku lebih dahulu daripada Bugis menerima kedatangan Islam iaitu pada tahun 1440 Masihi. Seorang penyeru Islam namanya al-Shaykh Jamāl al-Dīn al-Husaynī. Datang ke pulau tersebut lalu menyeru Raja Maluku yang bernama Tirani Lijutu dan setelah Islamnya lalu memakai nama Sultan Jamaluddin. Dengan mudah sahaja rakyat Maluku memeluk agama Islam. Menurut jejak langkah Rajanya.

**Catitan ringkas ini saya petik dari beberapa buah buku tarikh di samping pendapat-pendapat yang saya terima dari pensyarah tarikh. Diharap dapat kiranya memberi sedikit penjelasan tentang sejarah perkembangan Islam di tanah air sementara menunggu catitan yang lebih lengkap dan lebih sempurna.**